


Terus perkasakan bahasa Melayu



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

PERTANDINGAN Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2016 yang baru saja melabuhkan tirainya sekali lagi memperlihatkan betapa bahasa Melayu terus mendapat tempat di peringkat antarabangsa. Buktinya kepetahan dan kefasihan peserta antarabangsa dari seluruh pelusok dunia menyampaikan pidato masing-masing. Edisi kali ini menampilkan 47 peserta dari 34 negara.

Saban tahun PABM menjadi wadah terbaik untuk memperkenalkan dan memperkasakan bahasa Melayu ke seluruh dunia. Ringkasnya program ini dapat mengantarabangsakan bahasa kita secara serius dan konsisten. Hakikatnya bahasa Melayu bukanlah suatu bahasa yang baharu di persada antarabangsa sebaliknya terus kukuh sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Walaupun perkembangan dan penggunaannya mungkin tidak seluas penuturan dan pengajaran bahasa Inggeris namun bahasa Melayu tetap mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia.

Dalam konteks ini kita sebagai sebuah negara yang telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajar terus memainkan peranan yang aktif dan serius secara konsisten bagi memartabatkan kedudukan bahasa Melayu di semua peringkat. Untuk kita mengantarabangsakan bahasa Melayu kita perlu memperkasakan bahasa Melayu di dalam negara kita terlebih dahulu. Hal ini penting kerana walaupun kita sedar dan akui bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan malah kedudukannya juga sudah terpatopi kemas dalam Perlembagaan Persekutuan namun persoalannya pada hari ini sejauh mana kita benar-benar berusaha untuk memartabatkannya?

Penulis cukup kesal apabila masih ada dalam kalangan rakyat kita yang gagal menghayati kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bahkan terus mempertikai secara terbuka kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara ini.

Kenapa perkara ini masih berlaku? Jelas masih ramai yang gagal untuk menerima hakikat betapa Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam semua urusan



JOHAN Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri edisi ke-10 kategori Alam Melayu, Muhammad Haziq Jamaludin (kanan) dari Malaysia bergambar bersama-sama johan kategori Antarabangsa, Hatsune Yanai dari Jepun dan johan kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia, Abdalla Hassan Gharib dari Tanzania di Putrajaya, baru-baru ini. - BERNAMA

rasmi dan pentadbiran negara.

Ringkasnya, roh dan semangat yang dibawa oleh Perkara 152 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 tidak dihayati sepenuhnya dan seolah-olah sengaja dilupakan oleh segelintir rakyat kita sendiri.

Pada hari ini, masih ada yang malu untuk bercakap dalam bahasa Melayu malah secara terang-terangan mengagungkan bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris. Walaupun kita tidak nafikan sama sekali kepentingan bahasa Inggeris namun wajarlah kita membelakangkan bahasa kebangsaan sendiri? Tepuk dada tanyalah minda dan hati masing-masing.

Tatkala kita menghampiri ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-59, bahasa Melayu sepatutnya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bahasa dunia yang lain. Kita perlu yakin dan percaya dengan kemampuan bahasa kita sendiri. Percayalah kita boleh terus memacu kejayaan tamadun bangsa andai kita terus memperkasa kedudukan bahasa Melayu di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa.

Realitinya bahasa kebangsaan boleh menjadi jambatan penghubung perpaduan antara kaum yang mutakhir ini mula goyah dan merisaukan. Kita sewajarnya bersatu dalam satu bangsa.

Kita perlu terima kenyataan walaupun sudah lama merdeka namun masih terdapat rakyat yang tidak fasih berbahasa Melayu. Adakah

mereka tidak malu dengan peserta pidato dari luar yang boleh dikatakan lebih fasih daripada mereka? Ini adalah satu senario yang cukup menyedihkan. Keadaan ini dapat dielakkan jika kita memberi penekanan yang sewajarnya dalam aspek pemahaman dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah terutamanya di sekolah jenis kebangsaan yang banyak mengutamakan bahasa ibunda masing-masing.

Melihat senario semasa dalam kalangan masyarakat kita, ternyata pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah terbabit masih belum mantap. Akibatnya bahasa rojak terus menjadi amalan harian apatah lagi di rumah mengamalkan bahasa ibunda. Jika dibiarkan berlarutan maka seluruh generasi mereka juga akan terbawa-bawa dengan bahasa rojak tersebut.

Harapan kita agar rakyat terutamanya kaum Cina dan India akan memandang serius isu ini dan mengambil kira keperluan untuk memantapkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan.

Terimalah hakikat bahawa bahasa Melayu bukan bahasa orang Melayu semata-mata tetapi bahasa kebangsaan milik kita semua. Jadikanlah bahasa Melayu sebagai jambatan perpaduan bagi merapatkan silaturahmi antara kaum di negara kita. Selepas itu barulah kita boleh berusaha sama-sama memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa.

Dalam hal ini orang Melayu juga perlu memainkan peranan yang sewajarnya. Misalnya apabila mereka berkomunikasi dengan orang Cina ataupun India maka gunakanlah bahasa yang betul dan bukannya mengikut rentak pertuturan mereka menggunakan bahasa rojak yang merosakkan keindahan bahasa kita.

Perkembangan pesat jaringan media sosial seperti khidmat pesanan ringkas (SMS), Facebook, dan Twitter turut mengancam penggunaan nahu bahasa Melayu yang betul dalam kalangan rakyat kita. Penggunaan singkatan dan ejaan yang tidak betul mengelirukan generasi muda sehingga ada yang terbawa-bawa bahasa rojak ke bilik darjah dan ketika menjawab soalan peperiksaan. Wajarkah gejala ini dibiarkan terus berlaku? Sekali lagi hanya kita yang mampu membetulkannya.

Semua pihak perlu sedar tanggungjawab masing-masing untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagi merintis jalan untuk mengangkatnya sebagai bahasa antarabangsa. Usaha perlu diteruskan dan dilaksanakan secara konsisten, bukannya bermusim.

Penulis percaya kita boleh terus maju dan berjaya serta membina sebuah tamadun bangsa yang cemerlang andai dapat mengantarabangsakan bahasa kebangsaan kita.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.